

28 APR 2003

Pemuda-The Economist

PELAJAR UTM MAHU THE ECONOMIST DIHARAMKAN

ALOR STAR, 28 April (Bernama) -- Pelajar-pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) meminta kerajaan mengharamkan majalah Britain, The Economist, kerana ia terbukti menghina pemimpin-pemimpin Malaysia.

Presiden Majlis Perwakilan Pelajar UTM, Mohd Shahar Abdullah berkata para pelajar universiti berkenaan merasakan laporan oleh majalah itu tiada kredibiliti.

"The Economist harus diharamkan terus di negara ini kerana ia boleh memberi kesan mendalam kepada pelajar institusi pendidikan tinggi," katanya kepada pemberita di Pendang, tidak jauh dari sini.

Beliau bersama 80 pelajar UTM dan anggota Puteri Umno, yang berada di situ kerana mengikuti program Kembara Jelajah ICT SeMalaysia dengan kereta Kancil, telah membakar salinan majalah itu.

Pemuda Umno Kedah, yang turut membakar salinan majalah itu, juga menggesa kerajaan mengharamkan majalah.

Ketuanya Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir berkata majalah tersebut patut diharamkan di negara ini kerana ia cuba menghina kepimpinan Perdana Menteri dan negara ini.

Dalam satu rencana yang disiarkan dalam edisi 5 April lepas, majalah itu yang berpejabat di London, telah menghina pemimpin negara khususnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Apa yang kita buat ini (bakar majalah) juga sebagai mewakili rakyat negeri ini yang benci dengan tindak-tanduk sesetengah media barat yang cuba menjatuhkan kepimpinan negara ini melalui laporan yang tidak benar," katanya.

-- BERNAMA

FIZ MAN MAI